

DIMENSI-DIMENSI KEJAYAAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATEH SEBAGAI ARKITEK PENAKLUKAN KOTA KONSTANTINOPEL

Ahmad Azan Ridzuan

Azan6142@Yahoo.Com

Noor Azmi Hj Mohd Zainol

Jessica Ong Hai Liaw

Norlaila Mazura Mohaiyadin

Safar Yaacob

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Konstantinopel sangat strategik dari sudut pemerintahan ketenteraan, pusat perniagaan dan perdagangan, dan politik pemerintahan antarabangsa. Kota Konstantinopel berjaya dipertahankan oleh tentera Byzantine bagi tempoh selama 800 tahun dimana sebanyak 29 percubaannya merebutnya gagal, cubaan oleh 11 orang pemimpin Islam menawannya juga gagal sebelum berjaya ditawan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh. Kejatuhan Konstantinopel kepada Empayar Uthmaniyyah dibawah pemerintahan Sultan Muhammad Al-Fateh menandakan berakhirnya Empayar Byzantine. Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh menakluk Konstantinopel telah berjaya mencapai satu prestij dalam sejarah perkembangan dawah Islam, selain itu, mendapat faedah strategi ketenteraan dan faedah ekonomi terutamanya melalui perdagangan. Walaupun telah terdapat sarjana membincangkan kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel, namun ianya tidak diketengahkan secara yang lebih komprehensif. Kajian eksploratori ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggabungkan temubual, pemerhatian, perbincangan panel pakar, dan penganalisisan dokumen. Kaedah pengumpulan data ini merupakan asas untuk menenap pasti dimensi-dimensi utama yang relevan sebagai faktor penentu kepada kejayaan dalam penaklukan Kota Konstantinopel. Justeru itu, hasil dari kajian lepas menunjukkan bahawa dimensi-dimensi kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel adalah seperti dimensi perancangan taktikal peperangan,

perancangan logistik dan pentadbiran, kemajuan teknologi persenjataan, penghayatan spiritual dan kepimpinan dalam penentu kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh yang disanjung sebagai arkitek dalam penaklukan Kota Konstantinopel. Selanjutnya, kajian ini akan membincangkan secara terperinci dimensi-dimensi kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel serta teori-teori yang berkaitan.

Kata Kunci: *Sultan Muhammad Al-Fateh, Kota Konstantinopel, strategi ketenteraan, Islam*

PENDAHULUAN

Konstantinopel dikenali sebagai kota yang termakmur dan terkaya di Eropah sejak beberapa abad yang mana ianya terletak di pertemuan antara Laut Mediterranean dan Laut Hitam yang kedudukannya strategik samada daripada perdagangan maupun geo-politik (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Konstantinopel sangat strategik dari sudut pemerintahan ketenteraan, pusat perniagaan dan perdagangan, dan politik pemerintahan antarabangsa (Akademi JCOP, 2014). Napoleon Bonaparte pernah menyatakan, “Apabila dunia ini sebuah negara, Konstantinopel adalah yang paling layak menjadi ibu negaranya.” (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Napoleon juga pernah berkata, “Sekiranya aku menguasai Konstantinopel maka mudahlah aku menguasai dunia.” (Abdul Latip Talib, 2010; Mohd Fikri, 2009). Konstantinopel dibina oleh Maharaja Constantine Agung pada tahun 330 Masihi dan menjadi ibu kota Byzantine berfungsi sebagai ibu negara dan pusat Empayar Byzantine itu Rom Timur selama lebih 10 abad lamanya (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Kejatuhan Konstantinopel kepada Empayar Uthmaniyyah dibawah pemerintahan Sultan Muhammad Al-Fateh menandakan berakhirnya Empayar Byzantine dan memberikan tamparan hebat kepada kerajaan Kristian Barat, manakala bangsa Turki mengukuhkan kedudukan mereka di Eropah serta meluaskan wilayah penguasaan mereka di Balkan dan Mediterranean (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013).

Sultan Muhammad Al-Fateh adalah merupakan satu-satunya seorang sultan merangkap ketua tentera yang berjaya mengalahkan Constantine IX, menembusi garisan pertahanan Byzantine dan menakluki Konstantinopel yang tidak pernah berjaya dilakukan oleh sultan-sultan dan panglima-panglima Islam sebelum ini (Ezad Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa & Mohamad Zulfazlee Abul Hassan Ashari, 2014). Sultan Muhammad Al-Fateh telah dilantik menduduki tahta Kerajaan

Uthmaniyyah pada tahun 1451 ketika berusia 19 tahun selepas kemangkatan Sultan Murad II (Ammalina Dalillah Mohd Isa & Roziah Sidik @ Mat Sidek, 2014; Ezad Azraai Jamsari et al., 2014). Kota Konstantinopel telah berjaya ditakluki oleh tentera Islam yang diketuai oleh Sultan Muhammad Al-Fateh pada 29 Mei 1453 bersamaan 20 Jamadil Awal 857 Hijrah ketika beliau berusia 21 tahun (Abdul Latip Talib, 2010; Ammalina & Roziah, 2014; Ezad Azraai Jamsari et al., 2014, Freely, 2010).

Sultan Muhammad Al-Fateh dilahirkan pada 29 Mac 1432 bersamaan 26 Rejab 833 Hijrah di Adrianapolis dan meninggal dunia pada 3 Mei 1481 pada usianya 53 tahun dipercayai diracun (Abu Aisyah, 2014; Abdul Latip Talib, 2010) setelah diizinkan Allah untuk memerintah selama 30 tahun dengan terlibat memimpin sendiri hampir 25 kempen peperangan pada zamannya (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Sultan Muhammad Al-Fateh semasa kecilnya telah berjaya menghafal Al-Quran, membaca hadith, belajar ilmu fekah, matematik, astronomi, dan urusan peperangan disamping belajar bahasa Arab, Parsi, Latin, Greek, Serbia, Turki, Parsi dan Hebrew (Abu Aisyah, 2014; Akademi JCOP, 2014). Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh menakluk Konstantinopel telah berjaya mencapai satu prestij dalam sejarah perkembangan dawah Islam, selain itu, mendapat faedah strategi ketenteraan dan faedah ekonomi terutamanya melalui perdagangan rempah (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013).

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif yang ingin dicapai seperti berikut: Pertama, untuk mengenalpasti dimensi-dimensi utama yang relevan sebagai faktor penentu kepada kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel. Kedua, untuk meneliti dimensi-dimensi perancangan taktikal peperangan, perancangan logistik dan pentadbiran, kemajuan teknologi persenjataan, penghayatan spiritual dan kepimpinan dalam penentu kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel.

KAJIAN LITERATUR

Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, “Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawah pimpinannya adalah sebaik-baik pasukan.”(H.R. Ahmad bin Hambal Al-Musnad 4/335). Usaha Kerajaan Islam untuk menakluki Konstantinopel telah dimulakan sejak zaman Saidina Ali pada tahun 34 Hijrah, Muawiyah bin Abu Sufian pada tahun 84 Hijrah, Sultan Sulaiman pada tahun 91 Hijrah, Khalifah Harun al-

Rasyid pada tahun 165 Hijrah, Sultan Beyazid pada tahun 1391, 1397 dan 1400 Masihi tetapi semuanya menemui kegagalan dan akhirnya Konstantinopel berjaya ditawan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh pada awal tahun 857 Hijrah bersamaan 29 Mei 1453 (Abdul Latip Talib, 2010; Mohd Fikri, 2009). Menurut Zorzi Dolfin (1953) menyifatkan tanggapan Sultan Muhammad Al-Fateh kepada Konstantinopel dengan kenyataannya, "Sultan Muhammad Al-Fateh memahami kepentingan Konstantinopel. Beliau percaya dengan menjejakkan kaki ke Konstantinopel, beliau mampu memerintah seluruh dunia." (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Kota Konstantinopel berjaya dipertahankan oleh tentera Byzantine bagi tempoh selama 800 tahun sebanyak 29 percubaannya merebutnya gagal, cubaan oleh 11 orang pemimpin Islam untuk menawannya juga gagal sebelum berjaya ditawan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh (Abdul Latip Talib, 2010, Freely, 2010).

Kekebalan pertahanan Konstantinopel dinyatakan oleh Pears dalam buku *Introduction to The Fall of Constantinople*, "Konstantinopel selama berkurun-kurun menjadi benteng pertahanan terkuat bagi menghadapi musuh dari Asia. Orang-orang Barat menunjukkan kesungguhan mereka mengekalkan dan mengukuhkan penguasaan mereka disitu. Mereka sanggup melakukan sedemikian daripada mengambil risiko memperluaskan penguasaan mereka ke Asia." (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Walaupun telah terdapat sarjana membincangkan kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh sebagai seorang arkitek dalam penaklukan Kota Konstantinopel, namun ianya tidak secara yang lebih komprehensif, Justeru itu, kajian ini akan meneliti dengan lebih terperinci dimensi-dimensi seperti perancangan taktikal peperangan, perancangan logistik dan pentadbiran, kemajuan teknologi persenjataan, penghayatan spiritual dan kepimpinan dalam penentu kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel.

DIMENSI-DIMENSI PENENTU KEJAYAAN SULTAN MUHAMMAD AL-FATEH

Dimensi Perancangan Taktikal Peperangan

Semasa peperangan menawan Konstantinopel, Sultan Muhammad Al-Fateh telah menggunakan strategi dimana kubu pertahanan (strongholds) telah tidak berperanan sebagai tempat tindakan defensif sahaja, malah telah berperanan sebagai sebahagian dari tindakan ofensif dimana tentera dikawal dalam persekitaran perlindungan tembakan (Ozguven, 2014). Kesan kejutan dari tembakan Meriam Gangsa Shahi boleh didengari dijarak sejauh 25 km dengan tembakan projektil batu seberat 500 kg dimana mampu memecahkan tembok pertahanan dan juga mampu merendahkan

moral tentera lawan (Goodwin, 1971). Kubu Rumeli Hisar dibina pada tahun 1952 untuk mengawal dan menyekat kapal pro-Byzantine, kapal-kapal yang melintasi akan diserang dan diarahkan navigasi untuk ke sekitar Hisar dan akhirnya akan ditenggelamkan (Ozguven, 2014). Pengepungan Kota Konstantinopel telah dilakukan di daratan selama 53 hari, manakala jalan laut telah disekat dengan rantai besar melintasi pintu masuk Golden Horn, strategi memindahkan sebanyak 70 buah kapal melalui daratan telah dibuat dengan penuh kerahsiaan dalam masa satu malam dengan dilindungi dengan keadaan cuaca malam sejauh tiga batu (Abu Aisyah, 2014).

Dimensi Kemajuan Teknologi Persenjataan.

Sejarah penggunaan teknologi persenjataan Meriam Gangsa jenis Shahi telah berjaya meruntuhkan tembok pertahanan Konstantinopel. Sultan Muhammad Al-Fateh memeriksa semua aspek persenjataan Meriam Gangsa dari kilang hingga ke kiraan balistik, dari kedudukan topografi kepada hal-hal pentadbiran berkaitan (Ozguven, 2014). Semasa perperangan tersebut juga Sultan Muhammad Al-Fateh telah menggunakan kubu bergerak yang dilengkapi dengan persenjataan dan meriam ringan yang diletakkan di antara kereta tunggangan (carts) yang dinamakan tabor (Uyar & Erickson, 2009).

Dimensi Perancangan Logistik dan Pentadbiran.

Sultan Muhammad Al-Fateh telah menggunakan kepakaran sumber manusia seperti Kritovoulos dimana dia telah menyatakan terlibat dalam menentukan lokasi yang sebenar bagi kedudukan meriam semasa perperangan menawan Konstantinopel (Kritovoulos, 1954), Sadi Pasha seorang yang terlatih dimana merupakan pakar dalam teknologi perperangan di Eropah (Evliya Celebi, 2006), dan juga Munir Ali seorang pembuat merian besar di Kilang Tophane (Ozguven, 2014). Menurut David Stacton dalam *The World on the Last Day*, Sultan Muhammad Al-Fateh telah membina kekuatan armada laut dengan penyediaan 140 buah kapal perang dan 320 buah bot, dengan 150,000 orang tentera termasuk 12,000 tentera Janissari; beliau juga telah mengarahkan Basilica dipindahkan dari Adrianople ke Konstantinopel dengan kekuatan 60 ekor kerbau dengan kawalan ketat keselamatan 200 komando Uthmaniyyah dan 250 orang tentera mengambil masa enam minggu (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013).

Dimensi Penghayatan Spiritual.

Sultan Muhammad Al-Fateh mempunyai peribadi yang sentiasa bersifat tawaduk dan rendah diri, beliau mencintai para ulama dan selalu berbincang dengan mereka tentang permasalahan negara, dan beliau juga seorang yang sentiasa berani, tegas,

kuat menyimpan rahsia pemerintahan disamping bersikap tenang dan pendiam (Akademi JCOP, 2014). Bapanya Sultan Murad II telah menjadikan Al-Quran sebagai asas utama dalam mendidik Sultan Muhammad Al-Fateh. Hal ini kerana untuk menjadi seorang yang hebat mestilah bermula dengan hafazan Al-Quran. Penjanaan intergriti seseorang terhasil dengan konsep dosa dan pahala yang diterangkan dalam Al-Quran yang mana menjadi asas kepada syariat sunnahullah. Betapa perlunya Al-Quran itu dijadikan asas dalam hidup kita manakala Usuluddin bertindak sebagai akar, Syariah sebagai batang dan akhlak sebagai daun serta buah. Model pentadbiran Sultan Muhammad Al-Fateh bercirikan model pentadbiran negara Islam: Pertama, konsep, makna, bentuk dan kandungan kepimpinan sosial disepanjang pemerintahannya. Kedua, kejayaan demi kejayaan untuk Islam dalam menerajui dan mendahului masa depan. Ketiga, meletakkan dunia di paksi yang benar dengan roh terkuat iaitu Islam sebagai rahmatan lil ‘alamin. Ini hanya dapat dicapai dengan pemimpin dan umat Islam yang memiliki sikap dan akhlak khalifah iaitu warak, praktikal dan pragmatik (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013), dan yang terakhir adalah menghargai dan melihat kuasa solat sebagai mekanisme pembentukan karakter manusia luar biasa ketika modul-modul pendidikan berkiblatkan Barat gagal mengemukakan formula pembentukan diri manusia yang konsisten dan komprehensif.

Dimensi Kepimpinan.

Sultan Muhammad Al-Fateh pernah berkata, “Saya berada di ambang perjalanan kembali ke sisi Allah. Namun saya berharap saya tidak khuatir kerana saya meninggalkan orang seperti kamu. Jadilah pemimpin yang adil, soleh dan penyayang. Rentangkan perlindunganmu untuk rakyatmu tanpa kekecualian. Bekerjalah demi menyebarkan Islam, itu adalah kewajiban para khalifah di muka bumi. Dahulukan urusan agama atas apa pun urusan lainnya. Janganlah kamu jemu dan bosan untuk terus menjalaninya. Janganlah kamu angkat menjadi pegawai, orang yang tidak peduli dengan agamamu, orang yang tidak menjauhi dosa besar dan yang tenggelam dalam dosa.” (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Prinsip-prinsip kepimpinan iaitu siddiq, amanah, tabligh, dan fatanah diamalkan dalam proses memajukan negara dan menghidupkan masyarakat dalam menunjukkan Islam sebagai ad-deen (Muhammad Syaari Abdul Rahman, 2013). Pada usia yang masih muda, ayah baginda Sultan Murad II, telah mengamanahkan Sultan Muhammad Al-Fateh untuk memimpin satu daerah dengan bimbingan para ulama. Bimbingan yang diterima dari para ulama ini diharapkan menjadi panduan bagi membentuk pemikiran Sultan Muhammad Al-Fateh seiring dengan pemahaman Islam yang sebenar. Hal telah diterapkan oleh Sultan Murad II supaya anaknya cepat menyedari bahawa Sultan Muhammad Al-Fateh memiliki tanggung jawab yang besar pada suatu hari nanti. Sebelum wafat, Sultan

Muhammad Al-Fateh sebagai seorang pemimpin telah mewasiatkan kepada pewaris tahtanya iaitu Sultan Bayazid II agar sentiasa mendekati dan berdamping dengan para ulama, sentiasa berlaku adil, tidak tertipu dengan harta dunia dan benar-benar menjaga agama sama ada untuk peribadi, masyarakat, dan kerajaan.

KESIMPULAN

Hasil dari kajian lepas menunjukkan bahawa dimensi-dimensi seperti perancangan taktikal peperangan, perancangan logistik dan pentadbiran, kemajuan teknologi persenjataan, penghayatan spiritual dan kepimpinan dalam penentu kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh dalam penaklukan Kota Konstantinopel. Pelbagai usaha, strategi, perancangan yang rapi dilaksanakan oleh Sultan Muhammad Al-Fateh bagi menjayakan penaklukan Kota Konstantinopel ini serta keyakinan pada pertolongan Allah SWT dalam membawa kejayaan. Pemahaman orang awam dalam memahami dimensi-dimensi yang menyumbang kepada kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh perlu diberikan perhatian dan dipertingkatkan lagi dengan mengambil iktibar demi kecemerlangan generasi masa kini. Bukan mudah untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara. Segala strategi, perancangan, kerjasama sepasukan, usaha yang jitu, perbincangan antara orang bawahan dan atasan juga perlu untuk mencapai matlamat misi dalam sesebuah organisasi.

RUJUKAN

- Abdul Latip Talib. (2010). *Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel*. PTS Litera Utama Sdn Bhd.
- Abu Aisyah. (2014). *Sang Penakluk: Sultan Muhammad Al Fatih*. Malek Pustaka.
- Akademi JCOP. (2014). Sultan Muhammad Al-Fateh. *Akademi's Potpourri*, Week 33, 18 April, 1-4.
- Ammalina Dalillah Mohd Isa & Roziah Sidik @ Mat Sidek. (2014). Impact of Uthmaniyyah Scientific Advancement in the Era of Sultan Muhammad al-Fatih (Mehmed the Conqueror) towards the Uthmaniyyah Scientific Zenith. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol 5 No. 29, MCSER Publishing, Rome-Italy, 81-86.
- Evliya Celebi. (1971). *Evliya Celebi Seyahatnamesi*, eds. I.R. Dankoff, S.A. Kahraman, Y. Dagli. Istanbul:YKY.
- Ezad Azraai Jamsari, Ammalina Dalillah Mohd Isa & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2014). Sultan Muhammad al-Fatih: Uthmaniyyah's Great Strategic Planner. *Middle-East Journal of Scientific Research Research*, 20 (12), 2158-2163.

- Freely, J. (2010). *The Grand Turks: Sultan Mehmet II – Conquerer of Constantinople, Master of an Empire and Lord of Two Seas*. London: IB Tauris.
- Kritovoulos of Imbros. (1954). *History of Mehmed the Conqueror by Kritovoulos (1451-1467)*, eds. Charles Riggs, Princeton: Princeton University Press.
- Mohd Fikri, C.H. (2009). *Era Kebangkitan Kerajaan Uthmaniyyah: Episod Silam yang Dilupakan (1299M – 1453M)*. Petaling Jaya: Hijjaz Record Publishing.
- Muhammad Syaari Abdul Rahman. (2014). *Kuasa Kepimpinan Al-Fateh*. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ozguven, H. B. (2014). Early Modern Military Architecture in the Uthmaniyyah Empire. *Nexus Netw J*, 16, 737-749.
- Uyar, M. & Erickson, E. (2009). A Military History of the Uthmaniyyahs: From Osman to Ataturk. In *ABC-CLIO*, ed. Santa Barbara. Calif:LCC.
- Zorzi Dolfin. (1953). *Assedio e presa di Constantinopoli nell'anno 1453*, Munich.